

# PM mahu China bersama selesai segera isu Palestin

Perbincangan dua hala turut sentuh usaha eratkan hubungan dua hala

**Putrajaya:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam menyampaikan hasrat kepada China untuk bersama-sama memastikan konflik Palestin-Israel segera diselesaikan dan bantuan kemanusiaan disalurkan tanpa halangan.

Perkara itu dikongsi Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir mengenai pertemuan dan perbincangan Anwar dengan Naib Presiden China, Han Zheng yang mengadakan kunjungan hormat terhadap Perdana Menteri di Perdana Putra di sini sempena lawatan rasmi empat hari Han ke Malaysia bermula kelmarin.

"Perdana Menteri (Anwar) berharap agar China memainkan peranan aktif yang sudah disuarakan kepada Han dalam perbincangan tadi (semalam). Respons baik dari China agar masalah konflik Palestin-Israel segera diselesaikan," katanya kepada media selepas pertemuan dua pemimpin berkenaan di sini, semalam.

Zambry berkata, China juga menyatakan kekal dengan komitmen yang selama ini mengiktiraf

Palestin dari segi kedudukannya.

China kini menyandang jawatan Pengerusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bermula 1 November lalu.

Pada 3 November lalu, China dilaporkan berkata, situasi Palestin-Israel adalah kerja paling mendesak antaranya menggalakkan gencatan senjata agar mengelakkan bencana kemanusiaan lebih teruk serta mencegah konflik daripada merebak.


Perbincangan dua hala Anwar dan Han lebih sejamban turut menyentuh untuk mengeratkan hubungan Malaysia dan China serta merencanakan pelaburan dan kerjasama dalam pelbagai sektor.

Perbincangan lain yang disentuh adalah isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama, kerjasama dalam industri halal dan juga ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik Malaysia-China yang akan disambut pada 2024.

Lawatan Han adalah bersempena ulang tahun ke-10 Perkongsian Strategik Komprehensif Malaysia dan China tahun ini.

China adalah rakan dagang terbesar Malaysia sejak sedekad yang lalu. Jumlah dagangan antara kedua-dua negara pada 2022 bernilai RM487.13 bilion (AS\$110.62 bilion) meningkat 15.6 peratus berbanding 2021.

BERNAMA



Anwar dan Han dalam kunjungan hormat Naib Presiden China di Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)